Penang Port Commission lwn Kanawagi a/l Seperumaniam

MAHKAMAH RAYUAN (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO W-03-16-94
LAMIN PMR, ABU MANSOR DAN AHMAD FAIRUZ HHMR
11 SEPTEMBER 1996

Acara Sivil *— Bidang kuasa — Injunksi — Permohonan untuk injunksi-injunksi tidak dibuat di Mahkamah Tinggi tetapi di Mahkamah Rayuan — Sama ada Mahkamah Rayuan mempunyai bidang kuasa — Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 43*

Acara Sivil *— Rayuan — Kesan penolakan kebenaran untuk merayu — Penolakan permohonan penentang untuk kebenaran merayu oleh Mahkamah Persekutuan — Sama ada penolakan boleh dikira sebagai suatu keputusan Mahkamah Persekutuan atas merit*

Acara Sivil *— Res judicata — Permohonan untuk mengetepikan injunksi — Isu bidang kuasa dibangkitkan tetapi ditolak — Sama ada isu yang sama boleh dibangkitkan dalam permohonan yang lain — Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 44(3)*

Mahkamah Tinggi telah menganugerahkan ganti rugi sebanyak RM2,274,151.42 kepada penentang ('perintah ganti rugi'). Perayu telah memohon untuk penggantungan pelaksanaan perintah ganti rugi. Melalui suatu perintah garnisan, ganti rugi tersebut dibayar kepada penentang. Berikutan dengan itu, memandangkan permohonan untuk pengantungan itu telah menjadi akademik, perayu telah memohon dan memperolehi suatu injunksi ex parte dari Mahkamah Rayuan untuk menyekat penentang daripada melesapkan jumlah wang yang telah diberi oleh perintah ganti rugi. Penentang juga telah diarah supaya menyerahkan sijil akaun simpanan tetap (di mana wang daripada perintah ganti rugi itu telah disimpan) kepada timbalan pendaftar Mahkamah Rayuan (lihat [1996] 3 MLJ 427). Penentang kemudiannya memohon supaya injunksi itu diketepikan atas sebab Mahkamah Rayuan tidak mempunyai bidang kuasa untuk memberikan injunksi tetapi permohonan itu ditolak oleh Mahkamah Rayuan. Penentang kemudiannya membuat permohonan kepada Mahkamah Persekutuan untuk kebenaran merayu atas keputusan Mahkamah Rayuan mengeluarkan perintah injunksi itu atas alasan bahawa Mahkamah Rayuan tidak mempunyai bidang kuasa. Mahkamah Persekutuan juga menolak permohonan penentang itu.

Di dalam permohonan ini, penentang telah memohon supaya injunksi-injunksi yang diberikan oleh Mahkamah Rayuan diketepikan dengan kos dan sijil akaun simpanan tetap penentang yang berada dengan Mahkamah Rayuan itu dikembalikan kepadanya. Penentang telah mengatakan bahawa keengganan Mahkamah Persekutuan memberi kebenaran untuk merayu bukanlah bererti bahawa penghakiman Mahkamah Rayuan adalah betul. Isu di hadapan mahkamah adalah sama ada: (i) Mahkamah Rayuan mempunyai bidang kuasa untuk memberikan injunksi itu; dan (ii) estopel res judicata adalah terpakai untuk menghalang permohonan penentang

ini kerana penentang terlebih dahulu telah membangkitkan soal bidang kuasa Mahkamah Rayuan memberikan injunksi dalam permohonan yang lain.

Diputuskan, memberi perintah seperti yang dipohon:

(1) Oleh kerana terdapatnya rayuan ke Mahkamah Rayuan mengenai status penentang sebagai pekerja perayu yang akan menentukan kuantum ganti rugi yang wajar diberi kepada penentang yang belum dibicarakan oleh mahkamah ini, injunksi-injunksi itu boleh dibuat di bawah s 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (lihat ms 307F).

(2) Penolakan permohonan penentang untuk kebenaran merayu oleh Mahkamah Persekutuan tidaklah boleh dikira sebagai suatu keputusan Mahkamah Persekutuan atas merit isu bidang kuasa Mahkamah Rayuan kerana di dalam sesuatu permohonan untuk kebenaran merayu, Mahkamah Persekutuan secara amalinya menimbangkan sama ada wujud atau tidak persoalan undang-undang yang melibatkan kepentingan awam. Oleh yang demikian, tidak boleh dikatakan bahawa mahkamah ini adalah terikat dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan itu. Lagi pun, Mahkamah Persekutuan tidak memutuskan isu bidang kuasa Mahkamah Rayuan atas merit. Yang dipertimbangkan oleh Mahkamah Persekutuan ketika itu ialah kewajaran perkara-perkara yang dibangkitkan untuk dirayukan itu menjadi subjek rayuan (lihat ms 307B–D).

(3) Kaedah umum tidak mengizinkan sesebuah mahkamah mendengar sesuatu permohonan jika mahkamah itu telah mendengar dan menyelesaikan perkara yang menjadi subjek permohonan itu kecuali jika mahkamah tiada bidang kuasa untuk memberi perintah yang telah diberikannya itu. Berikutan dengan itu juga, s 44(3) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 membenarkan setiap perintah yang telah dibuat itu dibatalkan dan diubah oleh sesuatu mahkamah yang bersidang penuh. Maka, dalam kes ini, isu estopel secara res judicata tidak terpakai untuk menghalang permohonan penentang kerana pertama sekali adalah tidak wajar bagi Mahkamah Rayuan untuk menimbangkan permohonan perayu untuk injunksi-injunksi itu (lihat ms 307G–I dan 308D); *Munks v Munks* (1984) 129 SJ 65 dan *Wilkinson v Barking Corp* [1948] 1 KB 721 diikut.

(4) Mengikut s 43 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, perayu seharusnya terlebih dahulu memohon daripada Mahkamah Tinggi injunksi berkenaan semasa ia memohon penggantungan pelaksanaan perintah ganti rugi dengan meletakkan prayer alternatif iaitu sekiranya mahkamah menolak permohonan penggantungan pelaksanaan, mahkamah diminta membuat perintah supaya wang itu, dengan apa cara juapun, tidak boleh dilesapkan dengan ianya disimpan atas nama mahkamah. Oleh kerana perayu telah gagal berbuat demikian, adalah tidaklah wajar bagi Mahkamah Rayuan ini menimbangkan permohonan perayu untuk injunksi-injunksi itu (lihat ms 308F–I).

[English summary

The High Court had awarded damages totalling RM2,274,151.42 to the respondent ('the order on damages'). The appellant had applied for a stay in execution of the order on damages. By a garnishment order, damages were paid to the respondent. Subsequently, in view of the application for a stay becoming academic in nature, the appellant applied for and obtained an ex parte injunction from the Court of Appeal to restrain the respondent from dissipating the sum of money awarded by the order on damages. The respondent was also directed to surrender the fixed deposit certificate (where the money from the order on damages was kept) to the deputy registrar of the Court of Appeal (see [1996] 3 MLJ 427). The respondent later made an application praying that the injunction be set aside on the grounds the Court of Appeal did not have the jurisdiction to grant the injunction but the application was dismissed by the Court of Appeal. The respondent later made an application to the Federal Court for leave to appeal against the decision of the Court of Appeal which issued the injunction order on the ground that the Court of Appeal did not have jurisdiction. The Federal Court also dismissed the respondent's application.

In this application, the respondent applied to have the injunctions granted by the Court of Appeal set aside with costs and the fixed deposit certificate of the respondent that was with the Court of Appeal returned to him. The respondent alleged that the refusal of the Federal Court to grant leave to appeal was not affirmation that the judgment of the Court of Appeal was correct. The issues before the court were whether: (i) the Court of Appeal had the jurisdiction to grant the injunction; and (ii) estoppel res judicata was applicable to restrain the application of this appellant because the appellant had earlier raised the question of jurisdiction of the Court of Appeal granting the injunction in another application.

Held, granting the order as applied for:

(1) As there was an appeal to the Court of Appeal on the status of the respondent as a worker of the appellant that would determine the quantum of damages that ought to be awarded to the respondent that had not been tried by this court, the injunctions could be made under s 44 of the Courts of Judicature Act 1964 (see p 307F).

(2) The dismissal of the respondent's application for leave to appeal by the Federal Court could not be taken as a decision of the Federal Court on merit of the issue of jurisdiction of the Court of Appeal because in an application for leave to appeal, the Federal Court considered whether or not there existed the question of law involving public interest. Therefore, it could not be said that this court was bound by the decision made by the Federal Court. Furthermore, the Federal Court did not decide the issue of the jurisdiction of the Court of Appeal on merit. What was considered by the Federal Court at the time was the appropriateness of matters raised for appeal became the subject of appeal (see p 307B–D).

(3) The general rule does not permit a court that has heard a matter and disposed of the same, to hear thae same matter again unless the court had no jurisdiction to grant the order it previously did. Pursuant to that also, s 44(3) of the Courts of Judicature Act 1964 allowed every order so made to be discharged or varied by a full court. Therefore, in this case, the issue estoppel res judicata was not applicable to restrain the appellant's application because in the first place it was not proper for the Court of Appeal to consider the appellant's application for the injunctions (see pp 307G–I and 308D); *Munks v Munks* (1984) 129 SJ 65 and *Wilkinson v Barking Corp* [1948] 1 KB 721 followed.

(4) Pursuant to s 43 of the Courts of Judicature Act 1964, the appellant ought to have applied from the High Court the injunction in question while it was applying for stay by placing an alternative prayer, ie in the event the court dismissed the application for stay of execution, the court would be requested to make an order that the money, in any way whatsoever, could not be dissipated whilst it was kept in the court's name. Since the appellant had failed to do so, it was not appropriate for this Court of Appeal to consider the appellant's proper for the injunctions (see p 308F–I).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai bidang kuasa, rayuan dan res judicata, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 2092–2255, 259–699 dan 2892–2939.

Kes-kes yang dirujuk

Munks v Munks (1984) 129 SJ 65 (diikut)
Wilkinson v Barking Corp [1948] 1 KB 721 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 43, 44(3)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 20 k 1

Rayuan daripada: Guaman Sivil No S6–22–208–87 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Raja Aziz Addruse (*Ramsun CH Ho* dan *Sharifah Intan Aidid* bersamanya) (*Lim Huck Aik & Co*) bagi pihak perayu.
RR Sethu dan *K Balaguru* (*Khana & Co*) bagi pihak penentang.

Ahmad Fairuz HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah): Melalui lampiran (31a), penentang, Kanawagi a/l Seperumaniam, memohon supaya injunksi-injunksi yang diberikan oleh mahkamah ini pada 3 Januari 1995 dan 2 Ogos 1995 (lihat [1996] 3 MLJ 427) diketepikan dengan kos. Juga dipohon agar sijil akaun simpanan tetap penentang yang berada dengan mahkamah berikutan perintah 2 Ogos 1995 itu dikembalikan kepadanya selain daripada kerugian yang dialami oleh penentang akibat injunksi-injunksi tersebut ditaksirkan oleh timbalan pendaftar.

Afidavit-afidavit yang dikemukakan dalam permohonan ini menunjukkan: A

(a) Penentang bekerja dengan perayu sebagai seorang kerani mulai 1 Mei 1970. Pada 1 Ogos 1975, penentang bertugas sebagai penyelia trafik (traffic supervisor). Pada 1 Oktober 1981, penentang telah digantung kerja (interdicted). Pada 18 Februari 1985, penentang B dipanggil balik untuk bertugas dalam jawatan kerani. Penentang menganggap tindakan ini sebagai suatu penurunan pangkat (demotion) dan pemecatan konstruktif (constructive dismissal). Pada 1 Mac 1985, penentang dipecat (dismissed).

(b) Penentang mendakwa perayu di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur C melalui Guaman Sivil No S1–22–208–87. Di dalam guaman sivil itu, penentang memohon (di bawah A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT')):

(i) supaya tindakan lembaga disiplin perayu dalam menamatkan perkhimatan penentang dideklarasikan sebagai ultra vires Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 (Penang Port D Commission Act 1955) and kerana itu batal dan tidak sah (null and void);

(ii) deklarasi bahawa penentang yang telah lulus dalam peperiksaan Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia 1976 telah memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam surat perayu bertarikh E 26 Julai 1975 untuk disahkan sebagai penyelia trafik di dalam perkhidmatan perayu;

(iii) supaya ganti rugi yang ditanggung oleh penentang ditaksirkan oleh timbalan pendaftar; dan

(iv) kos permohonan dijelaskan oleh perayu. F

(c) Pada 18 Julai 1994, Mahkamah Tinggi memberi perintah seperti dipohon dalam perenggan-perenggan (i), (iii) dan (iv) (di perenggan (b) di atas). Tiada rayuan dibuat terhadap perintah ini.

(d) Pada 15 Oktober 1994, timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi memulakan perbicaraan taksiran ganti rugi. G

(e) Pada 20 Oktober 1994, hakim Mahkamah Tinggi memberi perintah seperti yang dipohon di dalam perenggan (ii) (di perenggan (b) di atas).

(f) Pada 24 Oktober 1994, timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi menganugerahkan ganti rugi sebayak RM2,274,151.42 kepada H penentang ('perintah ganti rugi'). Perayu memfailkan rayuan terhadap keputusan timbalan pendaftar ini dan secara lisan telah memohon supaya digantungkan pelaksanaan perintah ganti rugi itu. Permohonan lisan itu ditolak oleh timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi. Pada 3 November 1994, perayu memohon secara formal untuk I penggantungan pelaksanaan perintah ganti rugi itu. Permohonan ini juga ditolak kerana timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa ianya telahpun functus officio.

(g) Pada 11 November 1994, penentang membuat permohonan untuk perintah garnisan (garnishment) bagi maksud melaksanakan perintah ganti rugi itu.

(h) Pada 18 November 1994, perayu membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan atas keputusan yang dibuat oleh hakim mengenai prayer yang kedua yang diberi pada 20 Oktober 1994 (lihat perenggan (e) di atas).

(i) Pada 23 November 1994, notis untuk menunjukkan sebab kenapa perintah garnisan tidak wajar dimutlakkan (absolute) telah dikeluarkan kepada Bank Bumiputra.

(j) Pada 6 Disember 1994, perayu memohon untuk membatalkan (strike out) perintah garnisan.

(k) Pada 7 Disember 1994, perintah garnisan telah dimutlakkan. Pada 8 Disember 1994, perayu telah merayu kepada hakim dalam kamar atas perintah ini. Pada 19 Disember 1994, hakim telah menolak rayuan perayu itu.

(l) Pada 8 Disember 1994, perayu memohon kepada hakim Mahkamah Tinggi supaya menggantungkan pelaksanaan perintah ganti rugi. Pada 19 Disember 1994, hakim menolak permohonan perayu itu. Pada hari yang sama, perayu memfailkan suatu notis usul di dalam Mahkamah Rayuan untuk memohon penggantungan pelaksanaan perintah ganti rugi itu. Pada 20 Disember 1994, peguam perayu membuat permohonan lisan kepada Presiden Mahkamah Rayuan untuk suatu penggantungan interim (interim stay) atas perintah ganti rugi itu. Perintah penggantungan interim diberi oleh Presiden Mahkamah Rayuan yang juga telah menetapkan perbicaraan notis usul pada 3 Januari 1995. Semasa notis usul perayu dibicarakan pada 3 Januari 1995, Mahkamah Rayuan telah dimaklumkan bahawa permohonan untuk penggantungan perintah ganti rugi itu telah menjadi akademik kerana jumlah yang diperintahkan oleh perintah ganti rugi itu telahpun dibayar oleh pihak yang digarnis (garnishee) kepada penentang. Oleh yang demikian, perayu dengan secara lisan memohon supaya suatu injunksi ex parte dikeluarkan untuk mencegah (refrain) penentang daripada melesapkan (dissipating) jumlah wang yang telah diberi oleh perintah ganti rugi itu. Mahkamah Rayuan meluluskan permohonan lisan perayu itu di samping mengarahkan peguambela perayu supaya membuat permohonan yang sempurna (proper application). Enam bulan kemudian, iaitu pada 13 Jun 1995, perayu membuat suatu permohonan formal kepada Mahkamah Rayuan supaya penentang menyerahkan sijil akaun simpanan tetap (di mana penentang telah menyimpan wang yang diperolehinya melalui perintah ganti rugi itu) kepada timbalan pendaftar Mahkamah Rayuan dan supaya penentang 'sama ada secara sendiri, wakil atau ejennya, atau dalam apa cara jua, dilarang dari mengeluarkan, mengurus, melupus atau memindah dari bidang kuasa mahkamah ini sebarang wang yang terdapat dalam akaun simpanan tetap itu sehingga perintah mahkamah yang selanjutnya'. Pada 2 Ogos 1995, Mahkamah Rayuan mendengar permohonan perayu itu dan memberi perintah seperti dipohon. Permohonan penentang supaya injunksi yang dikeluarkan pada 3 Januari 1995 diketepikan juga ditolak oleh Mahkaman Rayuan. Di dalam permohonan penentang itu, isu yang sama seperti di dalam permohonan penentang sekarang ini dibangkitkan — iaitu Mahkamah Rayuan tidak mempunyai bidang kuasa.

(m) Pada 3 Ogos 1995, penentang membuat permohonan kepada Mahkamah Persekutuan untuk kebenaran merayu atas keputusan Mahkamah Rayuan pada 2 Ogos 1995 itu — iaitu keputusan mengeluarkan perintah injunksi. Pada 7 Ogos 1995, Mahkamah Persekutuan menolak permohonan penentang itu. Di Mahkamah Persekutuan ini, isu mengenai bidang kuasa Mahkamah Rayuan juga dibangkitkan oleh penentang.

(n) Pada 1 September 1995, penentang membuat permohonan kepada Mahkamah Persekutuan untuk kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang dibuat pada 2 Ogos 1995 yang menolak permohonan penentang untuk mengetepikan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan pada 3 Januari 1995.

Peguambela terpelajar perayu menekankan fakta bahawa penentang menimbulkan isu bidang kuasa Mahkamah Rayuan dalam permohonannya untuk mengetepikan perintah 3 Januari 1995 dan juga di dalam permohonannya untuk mendapatkan kebenaran merayu dari Mahkamah Persekutuan. Kerana itu, pihak penentang tidak patut dibenarkan menghujahkan isu yang sama lagi dalam permohonannya ini. Jika dibenarkan, maka penentang ketara telah menyalahgunakan proses mahkamah. Peguambela terpelajar perayu juga menghujahkan bahawa estopel secara res judicata adalah terpakai di dalam permohonan ini. Seterusnya, peguam terpelajar perayu telah menarik perhatian mahkamah ini kepada kewujudan suatu rayuan di dalam Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang memberi perintah seperti dipohon di dalam perenggan (ii) (di perenggan 2(b) di atas) dan nombor rayuan itu ialah W–02–252–94. Keputusan Mahkamah Tinggi itu adalah berhubung dengan status penentang dalam perkhidmatannya dengan perayu. Keputusan status itu, ujar peguam terpelajar perayu, akan menentukan kuantum ganti rugi yang wajar diberi kepada penentang. Kerana itu, tegas peguam terpelajar perayu, dan kerana adanya rayuan itu yang masih belum dibicarakan oleh mahkamah ini, Mahkamah Rayuan bolehlah mengeluarkan injunksi seperti yang telah dibuat pada 3 Januari 1995 dan 2 Ogos 1995. Kami bersetuju dengan penghujahan peguam terpelajar perayu ini. Selain daripada ini, peguam terpelajar perayu juga menegaskan bahawa mereka telah memohon untuk penggantungan pelaksanaan perintah ganti rugi di Mahkamah Tinggi yang menolak permohonan mereka itu. Kerana itu, mereka telah datang ke Mahkamah Rayuan dan membuat permohonan untuk penggantungan pelaksanaan perintah ganti rugi. Dan pada masa itu, wang dalam perintah ganti rugi itu telahpun dibayar. Lantas peguam terpelajar perayu telah secara lisan memohon supaya wang yang telah dibayar itu tidak dilesapkan (dissipated).

Peguam terpelajar penentang pula menyingkapkan perihal terdapatnya dua rayuan di Mahkamah Rayuan mengenai kes ini. Satunya ialah rayuan atas keputusan Mahkamah Tinggi mengenai perenggan (ii) (di perenggan 2(b) di atas), dan yang satu lagi ialah mengenai perintah garnisan mutlak. Mengikut peguam terpelajar penentang lagi, perintah injunksi itu tiada kaitan dengan rayuan-rayuan itu. Ditekankan oleh peguam terpelajar penentang akan ketiadaan rayuan terhadap perintah ganti rugi. Mengenai permohonan penentang untuk kebenaran merayu dari Mahkamah Persekutuan, peguam terpelajar penentang menekankan bahawa Mahkamah Persekutuan tidak membuat keputusan atas merit. Beliau selanjutnya

menyatakan bahawa keengganan Mahkamah Persekutuan memberi kebenaran bukanlah bererti bahawa penghakiman Mahkamah Rayuan itu betul (refusal of leave is not affirmation that the judgment of the Court of Appeal was correct). Dalam hal ini, kami berpendapat bahawa penolakan permohonan penentang untuk kebenaran merayu oleh Mahkamah Persekutuan tidaklah boleh dikira sebagai suatu keputusan Mahkamah Persekutuan atas merit isu bidang kuasa Mahkamah Rayuan itu kerana di dalam sesuatu permohonan untuk kebenaran untuk merayu, Mahkamah Persekutuan secara amalinya menimbangkan sama ada wujud atau tidak persoalan undang-undang yang melibatkan kepentingan awam. Oleh yang demikian, kami berpendapat tidaklah boleh diterima penghujahan peguam terpelajar perayu yang mengatakan bahawa mahkamah ini adalah terikat dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan itu. Lagi pun, seperti yang dikatakan oleh peguam terpelajar penentang, Mahkamah Persekutuan tidak memutuskan isu bidang kuasa Mahkamah Rayuan atas merit. Yang dipertimbangkan oleh Mahkamah Persekutuan ketika itu ialah kewajaran perkara-perkara yang dibangkitkan untuk dirayukan itu menjadi subjek rayuan. Tidak diketahui kenapa Mahkamah Persekutuan menolak permohonan penentang itu. Pelbagai tekaan boleh dibuat. Antaranya ialah kemungkinan kehadiran s 44(3) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Courts of Judicature Act 1964) yang mendesak penolakan itu. Dengan lain perkataan, kuasa di dalam s 44(3) itu tidak memberi hak kepada penentang untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan itu. Ini tidak dapat dinafikan sebagai suatu kemungkinan yang munasabah.

Menyentuh perkara rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi mengenai perenggan (ii) (di perenggan 2(b) di atas), peguam terpelajar perayu menitikberatkan ketidakmungkinan penaksiran ganti rugi menjadi muktamad selagi rayuan atas keputusan Mahkamah Tinggi itu tidak diputuskan. Justeru itu, injunksi-injunksi itu adalah selaras dengan kehendak s 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Kami bersetuju permohonan untuk injunksi-injunksi itu boleh dibuat di bawah s 44 kerana adanya rayuan atas keputusan Mahkamah Tinggi mengenai perenggan (ii); dan rayuan itu masih belum dibicarakan lagi.

Dalam penghujahan bertulisnya, peguam terpelajar penentang mengakui bahawa kaedah umum tidak mengizinkan sesebuah mahkamah mendengar sesuatu permohonan jika mahkamah itu telah mendengar dan menyelesaikan perkara yang menjadi subjek permohonan itu ('... the general rule is that once a court has heard a matter and disposed of the same, it will not hear the same application again'). Bagaimanapun, peguam penentang bersetuju adanya pengecualian kepada kaedah itu. Pengecualian itu berlaku apabila perhatian mahkamah ditarik kepada fakta bahawa mahkamah tiada bidang kuasa untuk memberi perintah yang telah diberikannya itu ('... An exception to this is that when it is brought to the court's attention that the court had no jurisdiction to grant the order it previously did ...'). Selanjutnya, peguam terpelajar penentang telah merujuk kepada kes *Munks v Munks* (1984) 129 SJ 65 di mana Mahkamah Rayuan Inggeris telah menetapkan bahawa seseorang adalah berhak, ex debito justitiae, mengetepikan perintah yang dibuat tanpa bidang kuasa. Kaedah khilaf (slip rule) di bawah A 20 k 1 atau bidang kuasa sedia ada (inherent jurisdiction) tidak boleh menyelamatnya seperti yang Ewbank H cuba membuatnya. Apabila saja perhatian mahkamah ditarik kepada perintah yang dibuat tanpa bidang kuasa itu, tiada pilihan wujud selain daripada

mengetepikan perintah itu. Perkara tindakan yang telah diambil mengikut perintah itu adalah tidak relevan. Bidang kuasa tidak boleh dianugerahkan secara persetujuan atau estopel. Ini adalah suatu prinsip yang mantap. Barangsiapa yang terjejas dengan perintah itu adalah berhak untuk mengetepikan perintah itu ('... Moreover, an order made without jurisdiction which one was entitled, ex debito justitiae, to have set aside, could not be saved by the slip rule under O 20 r 1 or by the inherent jurisdiction of the court as Ewbank J had sought to do. Once the court's attention was brought to the face that the order had been made without jurisdiction, there is no alternative but to set it aside. The fact that the order was acted upon is irrelevant. It was well established that jurisdiction cannot be conferred by consent or estoppel. Moreover, any person who might be affected by such an order would be entitled as of right to set it aside').

Seterusnya, peguam penentang merujuk kepada kes *Wilkinson v Barking Corp* [1948] 1 KB 721 (di ms 725) yang menegaskan bahawa Mahkamah Agung boleh, melalui statut, tidak berbidang kuasa untuk membicarakan sesuatu perkara tertentu. Namun demikian, ianya mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan sama ada ia mempunyai atau tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan perkara itu ('... The Supreme Court, may, by statute, lack jurisdiction to deal with a particular matter ... but it has jurisdiction to decide whether or not it has jurisdiction to deal with such a matter').

Berpandukan kepada:

(a) ungkapan-ungkapan perundangan ini;

(b) kemandatorian s 43 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang menggunakan perkataan-perkataan '... it shall be made in the first instance to the High Court';

(c) kepekaan kepada s 44(3) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang berbunyi: '(3) ... Every order so made may be discharged or varied by the full Court'; dan

(d) kesedaran bahawa permohonan penentang adalah untuk perintah-perintah 3 Januari 1995 dan 2 Ogos 1995 dilapangkan atau diketepikan (discharge);

kami berpendapat bahawa perayu mestilah terlebih dahulu memohon daripada Mahkamah Tinggi injunksi berkenaan. Dan peguam terpelajar perayu mengakui telah gagal melakukannya. Sepatutnya, ia telah membuat demikian semasa memohon penggantungan pelaksanaan perintah ganti rugi dengan meletakkan prayer alternatif iaitu sekiranya mahkamah menolak permohonan penggantungan pelaksanaan, mahkamah diminta membuat perintah supaya wang itu, dengan apa cara juapun, tidak boleh dilesapkan dengan ianya disimpan atas nama mahkamah. Kerana itu, tidaklah wajar bagi Mahkamah Rayuan ini menimbangkan permohonan perayu untuk injunksi-injunksi itu. Oleh yang demikian, kami memberi perintah seperti dipohon kepada penentang.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Rudeen Chua